


ITEM CONTOH BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling** sesuai.



- 1 Kereta yang dipandu laju di atas jambatan itu terbabas lalu _____ ke dalam sungai.
- A tersasar
 - B terjunam
 - C terperosok
 - D terpelanting

Ayat di bawah **mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.**

- 2 Sultan mencemar duli bersama-sama dengan permaisuri baginda ke majlis jamuan
A B
diraja yang akan disempurnakan di dewan orang ramai. Tiada kesalahan.
C D

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 3
- I Kasut adik terlucut ketika berlari kerana ikatan tali kasutnya *longgar*.
 - II Seluar panjang yang baru dibeli oleh ayah untuk adik itu agak *longgar*.
 - III Perhubungan antara Yazid dengan Othman mulai *longgar* setelah mereka bertukar sekolah.
 - IV Langkahnya yang *longgar* ketika memperagakan fesyen menyebabkan orang ramai tidak meminatinya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A** , **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 4 Kejayaan seseorang usahawan di dalam sektor perniagaan bergantung kepada komunikasi yang berkesan dengan setiap pelanggan.
- A di dalam sektor perniagaan bergantung pada
B dalam sektor perniagaan bergantung kepada
C dalam sektor perniagaan bergantung pada
D di dalam sektor perniagaan bergantung kepada

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5
- I Bas sekolah yang kami naiki masih baru malahan tayarnya sudah tiada bunga lagi.
 - II Rancangan televisyen itu tidak banyak penontonnya tambahan pula disiarkan pada lewat malam
 - III penggunaan telefon bimbit memerlukan belanja yang besar tetapi tetap menjadi pilihan remaja
 - IV Ayah sedang mencuci kereta sementara abang sedang menyiram pokok bunga.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 6 **Kegiatan harian penduduk di taman perumahan itu terganggu kerana bekalan air terputus selama beberapa hari.**
- A Bekalan air yang disalurkan setiap hari ke taman perumahan itu terputus sehingga terencat aktiviti harian penduduk.
 - B Akibat keputusan bekalan air selama beberapa hari, aktiviti harian penduduk di taman perumahan itu terencat.
 - C Oleh sebab bekalan air terganggu, penduduk di taman perumahan itu tidak dapat menjalankan aktiviti mereka selama beberapa hari.
 - D Selama beberapa hari kegiatan penduduk di taman perumahan itu terganggu kerana bekalan air terputus.

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 7 Sebilangan kecil rakyat gemar memiliki barangan mewah sedangkan pendapatan mereka tidak seberapa. Oleh itu, kerajaan selalu mengingatkan mereka agar berbelanja mengikut kemampuan.

Keadaan ini diumpamakan seperti peribahasa yang berikut, **kecuali**

- A ukur baju di badan sendiri
- B besar pasak daripada tiang
- C berapa panjang lunjur, begitulah selimut
- D alah membeli menang memakai